3755/1

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**
**CAWANGAN TERENGGANU**
***DENGAN KERJASAMA***
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

# PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

**TINGKATAN EMPAT**

# PERDAGANGAN

## KERTAS 1

**Satu jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak


© 2000 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu



Skema jawapan : www.banksoalanspm.com

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadanpada kertas jawapan objektif anda.*

1. Antara berikut yang manakah **benar** tentang keperluan manusia ?
   A. Keperluan manusia terlalu banyak dan tidak terbatas masa kini.
   B. Keperluan manusia perlu dipenuhi supaya hidup lebih selesa dan seronok.
   C. Keperluan fisiologi lebih utama daripada keperluan keselamatan, sosial dan rohani.
   D. Keperluan asas manusia berubah berdasarkan pendapatan, umur dan cita rasa seseorang

2. Berikut merupakan masalah yang dihadapi dalam sistem barter. Dalam kes pertukaran antara beras dengan jagung, masalah yang manakah paling mudah diatasi ?
   A. Penentuan nilai barang.
   B. Penentuan kemahuan serentak.
   C. Penentuan kadar pertukaran umum.
   D. Pembahagian barang kepada unit yang kecil.

3. Pengeluaran ialah proses penciptaan nilai faedah. Antara berikut, aktiviti yang manakah bukan proses penciptaan nilai faedah ?

   A. Mengubah suai barangan untuk kegunaan tertentu.
   B. Menghantar barang ke tempat yang memerlukan.
   C. Menyimpan komoditi supaya tahan lama.
   D. Melabel harga ke atas keluaran

4. Kerja yang rumit bagi menghasilkan sesuatu keluaran kilang biasanya dibahagikan kepada beberapa peringkat keluaran yang kecil.
   Tindakan ini merupakan satu bentuk pengkhususan:
   A. Mengikut jenis pekerjaan
   B. Mengikut sektor
   C. Mengikut proses
   D. Mengikut keluaran

5. Jadual berikut menunjukkan beberapa badan kerajaan dan fungsinya. Pasangan yang manakah tidak benar ?

| | BADAN KERAJAAN | FUNGSINYA |
|---|---|---|
| A | LKIM | Mengendalikan aktiviti promosi dan pemasaran industri perikanan. |
| B | PDPN | Memberi latihan tentang pengurusan dan pengendalian kakitangan. |
| C | PKEN | Mengendalikan latihan perusahaan secara amali |
| D | MEDEC | Menyediakan perkhidmatan perundingan tentang pengurusan kewangan |



Skema jawapan : www.banksoalanspm.com

6. Mengapakah perniagaan dianggap sebagai cawangan perdagangan?
   A. Aktiviti perniagaan bermotifkan keuntungan.
   B. Aktiviti perniagaan meningkatkan mutu barang.
   C. Aktiviti perniagaan melibatkan urusan kewangan.
   D. Aktiviti perniagaan melibatkan agihan keluaran

7. Antara berikut, yang manakah merangkumi aktiviti perniagaan dan aktiviti bantuan perniagaan ?
   A. Menjual rambutan ditepi jalan.
   B. Berjaja kuih dari rumah-ke rumah.
   C. Berjual beli secara borong di pasar tani
   D. Menjual secara runcit di pasar malam.

8. Antara berikut, pernyataan yang manakah benar tentang perdagangan ?
   A. Meliputi perniagaan dan bantuan perniagaan.
   B. Meliputi perniagaan dalam negeri dan perniagaan luar negeri.
   C. Meliputi bantuan perniagaan.
   D. Meliputi kegiatan pembelian dan penjualan barang-barang.

9. Mengapakah perniagaan bentuk francais seperti Ramli Burger dan Ayamas begitu popular dikalangan pengusaha ?
   I Menggunakan jenama oleh francaisor.
   II Kos operasi dibiayai oleh francaisor
   III Kegiatan promosi menguntungkan semua cawangan
   IV Mendapat latihan pengurusan dan pentadbiran daripada francaisor

   A. I, II dan IV
   B. I, III dan IV
   C. II, III dan IV
   D. I, II dan III

10. Layan diri yang diamalkan digedung perniagaan membolehkan pelanggan memilih barang jualan tanpa dilayan oleh penjual. Amalan perniagaan ini tidak sesuai bagi jualan barang berikut :
   A. Barang tahan lama.
   B. Barang keperluan harian
   C. Barangan yang kecil, murah dan ringan
   D. Barangan yang dilabel dengan penerangan

11. Antara fungsi-fungsi peruncit adalah:
   I Menyediakan ruang penyimpanan bagi barangan import.
   II Menjual pelbagai jenis barang.
   III Memberi khidmat lepas jualan.
   IV Memberi layanan kepada pembeli.

   A. I ,II dan III
   B. II,III dan IV
   C. I,II dan IV
   D. I,III dan IV

12. Hubungan peribadi dan tawar menawar adalah ciri-ciri yang boleh didapati di :
   A. Kedai kasut bata.
   B. Pasar Raya Parkson.
   C. Kedai runcit Ali
   D. Restoran A&W.



Skema Jawapan : www.banksoalanspm.com

13. Bagaimanakah pemborong dapat membantu pengeluar dalam aktiviti perdagangan ?
    I Mengedarkan keluaran pengeluar ke merata-rata tempat.
    II Membuat belian secara pukal dengan kredit.
    III Mengiklan dan mencari pasaran bagi keluaran pengeluar.
    IV Melakukan kerja-kerja akhir untuk pengeluar

    A. I,II dan III
    B. I,II dan IV
    C. I,III dan IV
    D. II,III dan IV

14. Apakah jenis pemborong yang mempunyai ciri-ciri di bawah:

    - Tidak memiliki barangan dagangan
    - Mengumpul pesanan daripada pelanggan
    - Mengatur penyerahan barangan mengikut pesanan.

    A. Pemborong Jober Para
    B. Pemborong Pesanan Berwakil
    C. Pemborong Bayar dan Bawa
    D. Pemborong Pesanan Berwakil

15. Fungsi pemborong diperlukan dalam proses pengagihan barang tetapi terdapat usaha untuk menyingkirkan pemborong kerana:
    A. Pemborong disifatkan tidak produktif
    B. Perkembangan peruncit besar-besaran
    C. Peruncit membeli terus daripada pengeluar
    D. Pemborong meningkatkan kos pengeluaran

16. Mengapakah pemborong memberi diskaun niaga kepada peruncit?
    A. Meningkatkan perolehan
    B. Menjimatkan kos promosi
    C. Menjimatkan kos jualan barang
    D. Mengurangkan masalah hutang.

17. Apakah yang boleh dilakukan oleh sesebuah syarikat sekiranya syarikat itu meragui keupayaan pembeli menjelaskan bayaran bagi pesanannya ?
    A. Menghantar nota debit.
    B. Menghantar invois pro-forma
    C. Menghantar bil tunai
    D. Mengeluarkan invois

18. Kedai elektrik Hani telah menerima sebut harga daripada seorang pemborong. Antara maklumat yang terkandung adalah seperti berikut:

    Pembersih hampagas Sunny @ RM 1800
    Diskaun Niaga 15 %
    Syarat : 10 % 7 hari
    5 % 14 hari



Skema jawapan : www.banksoalanspm.com

Skema jawapan : www.banksoalanspm.com



Pengurus kedai itu mengambil keputusan membeli dua pembersih hampagas dan . Menjelaskan bayarannya lima hari kemudian.
Berapakah yang perlu dibayarnya ?

A. RM 1377.00
B. RM 2754.00
C. RM 3060.00
D. RM 3240.00

19. Apakah maksud K. & K.D.K (E &0.E) ?
A. Barang yang telah dijual tidak boleh dipulangkan semula.
B. Pembeli berhak membetulkan kesilapan invois
C. Penjual berhak membetulkan kesilapan invois
D. Kos angkutan ditanggung oleh penjual

20. Mengapakah syarat diskaun tunai penting kepada seseorang pembeli ?
A. Mengelakkan daripada hutang lapuk.
B. Memberi imej kredit yang baik.
C. Mempercepatkan bayaran hutangnya.
D. Memudahkan pengiraan jumlah diskaun.

21. ' Pengeluar harus memberi tumpuan kepada penghasilan keluaran yang bermutu tinggi'.
Pernyataan di atas benar mengikut ;
A. Konsep menjual
B. Konsep keluaran
C. Strategi campuran pemasaran
D. Promosi

22. Antara berikut yang manakah merupakan saluran agihan yang sesuai untuk memasarkan baran g - barang runcit yang dijual oleh peruncit besar-besaran seperti gedung aneka jabatan dan pasar raya ?

A. Pengeluar → Pengguna
B. Pengeluar → Peruncit → Pengguna
C. Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
D. Pengeluar → Ejen → Pemborong → Peruncit → Pengguna

23. Seorang petani yang ingin memasarkan hasil padi dan buah cempedak yang ditanam boleh mendapatkan bantuan daripada agensi :
I. LPN
II. MARDEC
III. PORIM
IV. FAMA

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

24. Apakah bentuk cukai yang termasuk dalam cukai kastam ?

I. Cukai eksport
II. Cukai eksais
III. Cukai import
IV. Cukai ad valorem

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

25.
* Merupakan halangan ke atas barang-barang yang diimport ke dalam negeri
* Dikenakan apabila sesebuah negara tiada hubungan diplomatik dengan negara lain
* Biasanya dikenakan ke atas barang-barang seperti binatang ternakan dan bahan bacaan lucah.

Pernyataan di atas adalah paling tepat menerangkan tentang ciri-ciri :

A. Kuota
B. Cukai
C. Embargo
D. Kawalan tukaran asing

26. Pernyataan di bawah adalah menerangkan persamaan di antara bil muatan dan bil udara **kecuali** :

A. Kedua-duanya merupakan nota makluman bagi mencatatkan butir-butir barang yang diangkut.
B. Kedua-duanya bukan merupakan dokumen hakmilik
C. Kedua-duanya merupakan bukti kontrak diantara pengirim dan pengangkut barang-barang.
D. Kedua-duanya menjadi bukti bahawa barang-barang telah diterima oleh pihak pengangkut apabila ditandatangani.

27. Kesemua yang berikut berkaitan dengan masalah eksport dan import **kecuali:**

A. Bahasa
B. Keadaan politik
C. Risiko insurans
D. Presedur dan dokumen

28. Dokumen manakah yang memberikan bakal pelabur maklumat yang lengkap tentang latar belakang, rekod keuntungan, aset dan prospek sesebuah syarikat sebelum syarikat itu menjualkan syer-syer kepada orang awam?

A. Memorandum syarikat
B. Tataurus syarikat
C. Prospektus
D. Sijil Perakuan Perniagaan

29.Apakah perkhidmatan GIRO ?

A. Arahan yang memberi kuasa kepada bank untuk membayar sesuatu jumlah yang tetap pada tarikh yang sama.

B. Membolehkan pelanggan menggunakan kad juruwang automatiknya untuk membuat pelbagai pembayaran kepada pihak lain.

C. Membolehkan pelanggan membeli secara kredit dikedai-kedai tempatan dan luar negeri yang menerima kad kredit.

D. Membolehkan pelanggan mengeluar dan memasukkan wang tunai pada bila-bila masa di mana-mana cawangan.

30.Antara kebaikan syarikat sendirian berhad ialah :

I. Bilangan ahli terhad
II Liabiliti tidak terhad
III. Maklumat sulit dirahsiakan
IV. Lebih banyak modal

A. I dan III
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

31.Jualan langsung dianggap sebagai satu cara mempromosikan barang kerana:

A. Pelanggan diberitahu cara menggunakan barang
B. Pelanggan dijual pada harga yang murah
C. Pengguna dipujuk untuk membeli barang
D. Sampel percuma diedarkan oleh jurujual

32.* MAKANLAH BUAH-BUAHAN TEMPATAN*

Pilih pernyataan yang tidak berkaitan dengan iklan diatas.

A. Belanja pengiklanan tinggi kerana dilancarkan secara intensif untuk menandingi pesaingnya.

B. Bertujuan untuk menambahkan permintaan barang tanpa mementingkan jenama barangan

C. Kos pengiklanan dibiayai oleh semua pengeluar secara berkongsi.

D. Iklan dilancarkan oleh sekumpulan pengeluar yang mengeluarkan barang yang sama.

33..Pilih faktor-faktor pemilihan media pengiklanan yang sesuai :

I. Tujuan iklan
II. Keuntungan firma
III. Sifat barang yang diiklankan
IV. Kumpulan sasaran

A. I ,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,III dan IV

34.Antara berikut yang manakah bukan merupakan jenis-jenis promosi ?

A. Pengiklanan
B. Publisiti
C. Jualan terus
D. Perkhidmatan GIRO



Skema jawapan : www.banksoalanspm.com

Skema jawapan : www.banksoalanspm.com



35.Mengapakah sesetengah kerugian tidak boleh diinsuranskan ?

A. Kadar premium yang terpaksa dikenakan adalah tinggi
B. Tiada data yang lengkap tentang kejadian risiko
C. Syarikat insurans akan mengalami kerugian jika berlaku risiko.
D. Kemungkinan berlakunya risiko itu adalah sangat tinggi.

36.Antara berikut, pernyataan yang manakah memenuhi syarat prinsip kepentingan yang Boleh diinsuranskan ?

I. Encik Samad mengambil polisi insurans kemalangan peribadi atas nama adiknya.
II. Encik Kamal membeli polisi insurans nyawa atas isterinya
III. Encik Ibrahim, seorang ahli perniagaan terkemuka menginsuranskan nyawa rakan kongsinya.
IV. Encik Dollah membeli insurans kebakaran atas rumah yang disewanya .

A. I dan II
B. II dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

37.Apakah perjanjian yang dibuat diantara syarikat Takaful dengan peserta sebelum perlindungan Takaful diberikan ?

A. Perjanjian syarak
B. Perjanjian Al- Mudharabah
C. Perjanjian Al- Mudharib
D. Perjanjian Takaful

38.
* Polisi insurans majikan
* Polisi insurans tanggungan awam
* Polisi motor pihak ketiga

Apakah tujuan polisi-polisi di atas diambil ?

A. Untuk mengelakkan kerugian harta benda peribadi
B. Untuk mengelakkan risiko kemalangan
C. Untuk melindungi pihak ketiga daripada risiko-risiko tertentu
D. Untuk melindungi diri daripada tuntutan gantirugi oleh pihak ketiga

39.Bank Negara Malaysia berfungsi sebagai jurubank kerajaan melalui tindakannya sebagai

A. Pengendali semua hutang kerajaan
B. Pengawal kadar faedah pinjaman bank
C. Ejen bank perdagangan bagi melabur diluar negara
D. Penerima bayaran cukai pendapatan daripada orang ramai bagi pihak kerajaan.

40.Berikut adalah beberapa kemudahan yang disediakan oleh salah satu bank berkanun di Malaysia

* Menerima simpanan daripada orang ramai
* Menyediakan kemudahan membayar bil-bil semasa
* Menyediakan kemudahan cek kembara untuk para pelancong.

Bank tersebut ialah :

A. Bank Simpanan Nasional
B. Bank Pembangunan Malaysia Berhad
C. Bank Pertanian Malaysia Berhad
D. Bank Bumiputra Malaysia Berhad

KERTAS SOALAN TAMAT